

'Silat boleh jadi jambatan sahabat antara negara'

15 DEC 1987

Dapat wujudkan persefahaman yang sihat 2

SILAT, yang telah berkembang di seluruh dunia, boleh dijadikan sebagai jambatan persahabatan antara negara-negara barat dengan Singapura.

Ini, menurut Encik Abdullah Tarmugi, kerana silat tidak sahaja merupakan satu seni mempertahankan diri yang semakin diminati, malahan amalnya yang menuntut disiplin dan akhlak yang tinggi dapat mewujudkan persefahaman yang sihat antara negara-negara dan masyarakatnya.

Anggota Parlimen bagi Siglap itu berkata demikian ketika berucap dalam majlis perantikan beliau sebagai Ahli Kehormat Perguruan Alhak, Sabtu lalu.

Encik Abdullah yang menerima sebilah keris berharga \$200, sepersalinan pakaian silat dan sehelai bengkung (tali pinggang) berwarna ungu yang bertatahkan warna putih, kuning dan hijau (warna taraf persilatan Alhak) akan menjadi penasihat dalam semua kegiatan yang dijalankan dalam pergu-



ENCIK ABDULLAH TARMUGI: Silat semakin diminati sebagai seni pertahanan diri.

ruan tersebut.

Menurut Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Haji Rahim Dayan, yang juga merupakan Presiden Alhak, satu latihan perwasitan (juri) akan diberikan kepada pesilat-pesilat muda tidak lama lagi.

"Selain daripada membim-

bing mereka mengenai urusan pentadbiran dalam persatuan, kami juga akan memastikan pesilat-pesilat kita hari ini boleh mewasitan pertandingan silat akan datang dengan cekap, adil dan tegas.

"Mereka akan diajar secara teori dan praktikal mengenai undang-undang pertandingan silat sama ada dalam bentuk olahraga atau kesenian," jelas beliau.

Menurut Haji Rahim, latihan tersebut dianggap penting berdasarkan maklum balas yang didapatinya menerusi ulasan akhbar-akhbar Malaysia dan perbincangan bersama ketua-ketua perguruan silat asing yang merasakan perwasitan dalam Kejuaraan Silat Sedunia keempat di Kuala Lumpur baru-baru ini adalah kurang memuaskan.

Turut menyerikan majlis tersebut ialah persembahan kesenian oleh 17 pesilat dari Sepanyol yang singgah ke sini setelah selesainya kejuaraan silat di Kuala Lumpur itu.